



**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541

Laman Web: [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)



Rujukan: KKT&P: 100-4/22 (129 )

Tarikh : 01 AUG 2023

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif  
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif  
Majlis Daerah Seluruh Sabah

Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GCR**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana Tuan/Puan sedia maklum, kemudahan pemberian award wang tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan pemberian awal award wang tunai GCR sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 3/2022.

3. Bagi menghargai jasa anggota perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah bersetuju untuk turut memberi peningkatan maksimum Gantian Cuti Rehat yang boleh dikumpul sebanyak **180 hari** dan kebenaran penebusan awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat sebanyak **90 hari**. Pelaksanaan dasar ini adalah selaras dengan pengumuman Kerajaan melalui Belanjawan 2023 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2023.

4. Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan Gantian Cuti Rehat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 3/2022 hendaklah dibaca bersama dengan Surat Edaran ini.

5. Pindaan perenggan-perenggan perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan pemberian GCR ini adalah teratur dan pindaan adalah seperti berikut:

**(i) Pindaan pada Perenggan 2.3: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan bagi memaklumkan kenaikan had maksimum pengumpulan GCR dari 160 hari ke **180 hari**.

...2/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : KKT&P: 100-4/22 (129)

Tarikh : 01 AUG 2023

---

(ii) **Pindaan Perenggan 4 : Penebusan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)**

Pindaan bagi memaklumkan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat kepada **90 hari**.

(iii) **Pindaan pada Perenggan 5: Kebenaran GCR Melebihi 180 Hari digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan**

Pindaan bagi memaklumkan mengenai kebenaran GCR yang dikumpul melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

6. Borang-borang yang dilampirkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 3/2022 hendaklah dipinda sewajarnya berkuat kuasa serta merta dengan menggantikan perkataan di mana sahaja perkataan itu tercatat seperti berikut;

- (i) **“160 hari”** diganti dengan perkataan **“180 hari”**
- (ii) **“80 hari”** diganti dengan perkataan **“90 hari”**

7. Pindaan-pindaan perenggan di atas berkuat kuasa mulai **1 Januari 2023**.

8. Tertakluk kepada penerimaannya, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



( **DATUK JAMILI NAIS, PhD** )  
Setiausaha Tetap

**“SABAH MAJU JAYA”**